




COVID-19

Ikhtiar dan Tawakal

Syed Shahrman Syed Ali

Pensyarah di Pusat Bahasa dan Pengajian
Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah



“Mengapa solat berjemaah dan solat Jumaat hendak ditangguhkan, dan surau atau masjid perlu ditutup? Bukankah ini rumah Allah? Sesiapa yang beribadat di dalamnya pasti dipelihara oleh Allah! Kita tidak perlu takut kepada coronavirus. Allah yang lebih perlu kita takuti!”



Lontaran kata-kata ini antara reaksi spontan segelintir masyarakat Malaysia, khususnya dalam kalangan orang Islam yang menjadi buah mulut dalam masyarakat dan tular di media sosial. Isunya berkait rapat dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 15 Mac 2020 yang memutuskan bahawa semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat ditangguhkan untuk tempoh selama sepuluh hari bermula 17 Mac-hingga 26 Mac 2020.

Di samping merujuk pandangan hukum syarak, keputusan ini juga dibuat setelah mengambil kira nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung bahaya penyebaran wabak coronavirus. Menerusi kenyataan akhbar bertarikh 11 Mac 2020, pihak KKM telah menggesa agar:

- Semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.
- Sesiapa yang mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan.
- Individu yang bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri sekurang-kurangnya satu meter apabila berhadapan dengan individu lain.

Bagi memutuskan perkara ini, pihak Majlis Fatwa Kebangsaan juga turut mengambil kira keputusan institusi fatwa antarabangsa yang berautoriti dan tokoh ulama yang berpengaruh berkaitan dengan isu ini untuk dijadikan panduan.

Pengisytiharan larangan yang bersifat sementara ini telah menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat. Sebahagiannya mematuhi arahan ini, dan sebahagiannya tidak bersedia, malah tidak kurang pula pihak yang mengkritik polisi yang diambil oleh kerajaan ini. Tidak dinafikan reaksi ini telah mencetuskan perbincangan yang hangat, dan boleh mencetuskan perspektif yang negatif terhadap pihak yang berautoriti yang sepatutnya diberikan kepercayaan untuk mengendalikan isu berkaitan dengan umat Islam khususnya, dan rakyat Malaysia secara amnya.

Seperti yang dimaklumi, larangan ini dikeluarkan ekoran penularan wabak COVID-19 di Malaysia sudah berada pada tahap yang kritikal apabila

memasuki fasa gelombang kedua. Maka itu, pihak kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020 demi membendung penularan wabak ini. Sebelum itu, pada 12 Mac 2020 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik, serta menegaskan penularan wabak ini dalam keadaan yang sangat teruk dan membimbangkan. Wabak yang bersifat global ini tidak hanya dihadapi oleh Malaysia, malah telah merebak ke serata negara di seluruh dunia. Wabak yang pertama kali muncul di Wuhan, China pada bulan Disember 2019 ini telah menyaksikan ribuan mangsa menemui ajal. Hal ini memberikan isyarat kepada dunia betapa wabak ini tidak boleh dipandang sebelah mata.

Sebenarnya, reaksi negatif oleh sesetengah masyarakat Islam berhubung dengan larangan ini jelas membuktikan bahawa kurangnya kefahaman dan maklumat tentang bahaya wabak yang menimpa negara dan dunia ketika ini. Meskipun setiap hari angka mangsa yang dijangkiti COVID-19 makin meningkat, malah angka kematian jika dijumlahkan semuanya di serata dunia termasuk Malaysia telah mencecah ribuan mangsa, namun sikap "optimis" segelintir masyarakat untuk berasa selamat dan bebas jangkitan cukup tinggi!

Hal ini ekoran sikap kurang peka, sambil lewa dan memandang mudah terhadap polisi pihak kerajaan yang mengeluarkan arahan berkurung. Terdapat juga pihak yang disyaki terdedah dengan virus ini, tetapi tidak mahu memberikan kerjasama untuk tampil membuat saringan kesihatan bagi memastikan mereka bebas daripada jangkitan atau pembawa wabak ini.

Tambah memburukkan lagi keadaan, apabila hujah dan alasan dari sudut agama digunakan bagi menyalahkan pihak berwajib yang kononnya meringan-ringankan tuntutan agama. Alasan seperti tidak perlu terlalu takut kepada wabak COVID-19 melebihi takut akan Allah, umat Islam perlu bertawakal kepada Allah, dan tidak perlu berlebihan bergantung pada usaha mengawal penularan sehingga menangguhkan kewajipan solat Jumaat dan berjemaah, jelas menggambarkan kedangkalan kefahaman mereka terhadap ajaran dan tuntutan Islam yang sebenar.

Lebih mengucar-ngacirkan keadaan apabila kata-kata ini turut ditularkan oleh segelintir pendakwah



dan agamawan yang mengetengahkan konsep tawakal dalam kes ini, tidak sesuai pada tempat dan masanya. Oleh itu, apakah pandangan sebenar yang perlu difahami oleh umat Islam bagi menghadapi situasi ini sekarang, dari sudut pandangan alam Islam?

Hakikatnya, kata-kata “jangan takut akan korona melebihi takut akan Allah, dan perlu bertawakal hanya kepada Allah” tidak lebih daripada “ungkapan nakal” yang kelihatan benar, tetapi dibaluti dengan kebatilan dan kejahilan. Allah SWT menjadikan alam ini dengan peraturannya yang tersusun rapi. Peraturan inilah yang dikenali dengan *sunnatullah* atau dalam ilmu sains disebut *law of nature*. Sistem ini Allah SWT jadikan bagi memudahkan manusia berinteraksi dengan alam yang mempunyai sistem peraturan tabii yang tetap.

Umpamanya, kertas apabila terkena api akan terbakar kerana sifat bagi api itu membakar. Hal tersebut terjadi kerana sifat sebab dan akibat yang telah Allah SWT aturkan untuk alam ini. Dalam ungkapan yang mudah, setiap kejadian (akibat) pasti bersebab. Yang berkuasa penuh ialah Allah SWT sahaja, tetapi api yang membakar menjadi penyebab kepada kebakaran kertas yang merupakan akibatnya.

Namun begitu, *sunnatullah* ini boleh berubah sekiranya dikehendaki oleh Allah SWT, umpamanya perkara yang berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s. apabila baginda terselamat daripada bakaran api yang marak menyala. Akan tetapi, dalam situasi yang biasa berlaku, *sunnatullah* api membakar berlaku secara semula jadi. Keadaan api membakar, air menghilangkan dahaga, dan pisau boleh memotong inilah yang dikenali sebagai *law of nature* menurut disiplin ilmu sains.

Oleh hal yang demikian, dalam situasi hari ini, apabila kita berhadapan dengan wabak COVID-19 yang boleh membunuh, langkah pencegahan mestilah dilakukan. Berdasarkan *sunnatullah* atau *law of nature*, COVID-19 boleh menjadi asbab yang akan memudaratkan. Bukan kerana virus ini terlalu berkuasa mengatasi kuasa Allah SWT, tetapi kerana Allah SWT telah menjadikan virus ini mempunyai asbab yang memudaratkan manusia dengan izin-Nya juga.

Jika demikian keadaannya, sebagai manusia yang dibekalkan oleh Allah SWT akal fikiran dan ilmu pengetahuan, tidak sewajarnya kita hanya berserah menghadapi kebinasaan apabila bahaya datang

menimpa. “Menghunuskan senjata tawakal” dalam situasi sebegini sebenarnya meruntuhkan pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah yang menjadi pegangan umat Islam keseluruhannya. Adakah ini yang dikehendaki oleh Islam menerusi konsep tawakal?

Dakwaan bertawakal dalam keadaan meninggalkan usaha untuk mencapai tujuan dan matlamat merupakan sangkaan orang yang jahil, malah dihukum haram oleh syarak menurut Ibn Qudamah al-Maqdisi menerusi karya beliau, *Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*. Menurutnya, “Kesan bertawakal dengan Allah harus menggerakkan seorang hamba untuk berusaha memenuhi maqasidnya. Usahanya ke arah itu (maqasid) sama ada dengan bekerja untuk mendapatkan sesuatu yang tiada, atau memelihara dan menyimpan apa-apa yang telah diperolehnya. Usaha juga perlu dilakukan bagi menghindarkan mudarat yang bakal berlaku atau menyingkirkan kemudarat yang sedang menimpa.”

Oleh itu, jika dibandingkan pendapat Ibn Qudamah al-Maqdisi dengan tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa di Malaysia, malah di seluruh dunia bagi mengawal penularan wabak COVID-19 ini, sangat bertepatan dengan konsep tawakal yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Konsep ikhtiar pencegahan penularan dengan menggunakan kaedah kuarantin langsung tidak menafikan konsep tawakal.

Malah, ikhtiar kuarantin ini telah dianjurkan oleh Rasulullah SAW sejak lebih 1400 tahun yang lalu sebelum dunia perubatan moden mengaplikasi kaedah ini. Menerusi hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, Baginda bersabda yang bermaksud, “Jika kamu mendengar taun berlaku di suatu tempat, maka jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di suatu tempat sedang kamu berada di situ, jangan kamu keluar darinya (tempat itu).” Hadis tentang wabak taun ini ketika dibacakan telah menyebabkan Sayidina Umar ibn al-Khattab r.a., yang ketika itu menjawat jawatan khalifah, membatalkan hasratnya menuju ke bumi Syam kerana urusan kerja. Beliau bertindak pulang semula ke Madinah bagi mengelakkan penularan wabak itu.

Hadis ini telah memberikan panduan bahawa tindakan kuarantin amat penting agar penyakit dan wabak yang menular tidak akan tersebar. Pada waktu yang sama, hal tersebut mengajar kita supaya berikhtiar menyelamatkan diri daripada kemusnahan dan dilarang mendekati diri kepada sebab yang boleh membawa kemudaratkan.



Keputusan pihak berwajib di Malaysia berhubung dengan penularan wabak COVID-19 sememangnya telah mengambil pandangan daripada pelbagai pihak sama ada dari sudut kesihatan, keselamatan dan juga agama. Seluruh rakyat Malaysia perlu mematuhi segala ketetapan ini demi kesejahteraan bersama."

Seorang sarjana Islam terkemuka, al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani telah mengarang sebuah buku khusus berkaitan dengan wabak taun yang bertajuk *Bazi al-Ma'un fi Fadl al-Ta'un*. Menerusi buku ini, beliau antara lain mengatakan bahawa pentingnya mengambil langkah berjaga-jaga dan melakukan langkah tertentu bagi menghindari penularan wabak seperti yang disarankan oleh pakar dalam bidang perubatan. Langkah ini amat selari dengan larangan Rasulullah SAW, agar tidak memasuki kawasan yang dilanda wabak taun, di samping tuntutan dan keharusan hukum syarak supaya berubat jika ditimpa penyakit.

Oleh itu, keputusan pihak berwajib di Malaysia berhubung dengan penularan wabak COVID-19 sememangnya telah mengambil pandangan daripada pelbagai pihak sama ada dari sudut kesihatan, keselamatan dan juga agama. Seluruh rakyat Malaysia perlu mematuhi segala ketetapan ini demi kesejahteraan bersama. Bagi umat Islam pula, anggaplah ketetapan ini sebagai ikhtiar untuk mengalihkan takdir wabak yang membinasakan kepada takdir yang bebas wabak yang menyejahterakan. Di samping itu, jangan lupa untuk kita berdoa dan terus bertawakal kepada-Nya agar terhindar daripada wabak ini. **DTI**